

24/11/1998

Tindakan tegas jika guru hasut pelajar

KEMENTERIAN Pendidikan akan mengambil tindakan tegas terhadap guru yang didapati mencemarkan pemikiran pelajar dengan menghasut supaya membenci kerajaan.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, bagaimanapun berkata pihaknya memerlukan maklumat yang tepat mengenai dakwaan perbuatan itu bagi memudahkan tindakan diambil.

Menurutnya, kementerian memandang berat perbuatan seumpama itu, terutama guru menghasut pelajar membenci kerajaan atau pemimpin tertentu.

"Kalau ada laporan yang memberikan maklumat tepat, misalnya siapa guru berkenaan, dari sekolah mana, bagaimana bentuk perbuatan atau siapa saksinya, kementerian akan mengambil tindakan mengikut prosedur Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran," katanya di Ipoh, petang semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam bahawa ada ibu bapa dan guru menimbulkan kebencian kepada kerajaan dengan menghasut kanak-kanak.

Menurut Dr Mahathir, mereka menunjukkan gambar beliau kepada kanak-kanak kecil dan memberitahu orang semacam ini patut 'dipancung' kepalanya.

Perdana Menteri berkata, beliau kesal dengan perbuatan itu kerana pemikiran kanak-kanak dicemari unsur politik negatif.

Menurut Najib, beliau bagaimanapun belum menerima aduan rasmi mengenai tindakan guru terbabit.

Najib juga berkata, beliau kerap memberi amaran kepada guru supaya tidak terbabit dengan sebarang perbuatan negatif yang boleh mencemarkan profesion berkenaan, terutama merosakkan pemikiran kanak-kanak yang belum matang fikirannya.

Sementara itu, beliau yang juga Naib Presiden Umno menyelar kenyataan Duta Amerika Syarikat di ibu negara, John Mallot yang membandingkan pemerintahan negara ini dengan sistem yang diamalkan Adolf Hitler (pemimpin Nazi Jerman) dan Joseph Stalin (pemimpin komunis Russia).

Menurutnya, orang luar tidak sepatutnya campur tangan dalam hal ehwal negara ini kerana sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia amat bersesuaian dengan keadaan negara ini.

Katanya, kerajaan juga tidak akan membenarkan rusuhan berlaku di negara ini kerana ia bukan proses demokrasi.

"Rusuhan yang membawa kepada perbuatan membakar bangunan, kenderaan, memukul anggota polis atau membaling batu tidak dibenarkan di negara ini kerana ia bukan proses demokrasi.

"Majoriti rakyat Malaysia cintakan keamanan dan tidak mahu rusuhan itu berterusan," katanya.

(END)